

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)18**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

18. Walaupun industri pelancongan penting kepada ekonomi Pulau Pinang, tetapi industri kesenian, kebudayaan dan warisan juga penting. Negeri kita mempunyai pelan induk pelancongan, adakah negeri kita mempunyai pelan induk untuk kesenian, kebudayaan dan warisan?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri sedang menyediakan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dan penerbitan pelan tersebut ditangguh sehingga situasi COVID-19 bertambah baik di Malaysia disebabkan perubahan dan penyelarasan beberapa pelan promosi kepada selepas COVID-19.

Pelan induk ini akan turut mengandungi aspek kesenian, kebudayaan dan warisan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan dan keperluan untuk mewujudkan pelan induk khusus untuk kesenian, kebudayaan dan warisan.

